



Hello Kampus

SELATAN

USIM hargai Asma, raikan Musa

SEREMBAN 9 Sept. - Majlis serah tugas Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang baharu berlangsung di kampus universiti itu di Nilai dekat sini hari ini dalam suasana harmoni dan peradaban universiti.

Majlis berkenaan dihadiri bekas Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail yang telah mengakhiri tugasannya pada 31 Mei lalu selepas dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan digantikan dengan Naib Canselor yang baharu, Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad.

Majlis itu juga dibuat bagi menyatakan penghargaan pihak USIM kepada Asma, di samping meraikan pelantikan Musa.

Musa dilantik sebagai Naib Canselor USIM yang keempat, bermula 16 Ogos lalu untuk tempoh tiga tahun.

Beliau yang berasal dari Pan-

chor, Muar, Johor sebelum ini merupakan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di USIM, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama) dalam jurusan Kimia di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1985, Sarjana (Instrumentation and Analytical Science) (University of Manchester, 1987) dan Kedoktoran (Optical Fibre Chemical Sensor) (University of Manchester, 1994).

Kepimpinan beliau di universiti itu terserlah dengan pelbagai jawatan pernah disandangnya, antaranya Koordinator Program Matrikulasi UKM (1994-1996), Ketua Program Kimia UKM (2004-2007) dan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi UKM (2009-2010), sebelum dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM pada 15 Mei 2010.

Sewaktu berkhidmat di UKM, Musa terlibat secara langsung

dalam pembangunan kepakaran penyelidikan sensor kimia dan biosensor UKM bermula 1995 hingga 2005 bersama rakan penyelidik yang lain.

Antaranya melalui projek penyelidikan pembinaan sensor kimia untuk penentuan kepedasan cili, pembinaan biosensor kimia berasaskan teknik sol-gel untuk analisis pestisid dan sebagainya.

Beliau turut aktif dalam bidang penulisan buku teks dan jurnal ilmiah dan sehingga kini, lebih 130 jurnal ilmiah beliau diterbitkan di peringkat tempatan dan antarabangsa dan telah dipilih sebagai ahli Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) dalam disiplin Sains Kimia semasa Mesyuarat Agung Tahunan ASM ke-19.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu dan akan memberikan khidmat yang terbaik untuk melonjakkan USIM ke era lebih cemerlang," kata Musa.



DR. MUSA Ahmad menerima dokumen serah tugas Naib Canselor daripada Dr. Asma Ismail di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/MUHAMMAD ASYRAF AZLAN